

# 'Berundur apabila keadaan negara lancar'

## ■ PUTRAJAYA 1 OGOS

**P**ERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau akan berundur apabila beliau mendapati keadaan dalam negara sudah licin dan lancar serta sudah boleh maju dari situ.

"Ya mungkin mengambil masa dua tahun, mungkin tiga tahun, saya tidak tahu, tetapi kita sedang mengusahakannya," kata beliau apabila ditanya mengenai kenyataan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang beliau (Dr. Mahathir) perlu berkhidmat sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal.

Bercakap pada sidang akhbar selepas menghadiri dialog meja bulat dengan dewan-dewan perniagaan antarabangsa mengenai

tenaga kerja di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, beliau akan berpegang pada janjinya mengenai bila masanya akan berundur, apabila ditanya sama ada Perdana Menteri akan mempertimbangkan gesaan agar beliau berkhidmat sepenggal penuh.

"Kecualilah mereka mengasak saya ke satu sudut dan meletakkan pistol di kepala saya, dan berkata 'kamu teruskan sehingga habis penggal'... kecuali awak buat macam itu... saya akan letak jawatan. Saya akan tunaikan janji," katanya berseloroh.

Ditanya mengenai laporan media bahawa beberapa pemimpin pembangkang dari UMNO, Pas dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) telah bertemu beliau pada Selasa, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan, mengesahkan bahawa

pertemuan itu memang berlaku.

"Mereka datang hendak jumpa saya, saya jumpalah mereka, saya dengar apa yang hendak mereka katakan.

"Ya, ramai daripada mereka menyatakan sokongan kepada saya, terima kasih banyak-banyak," kata beliau.

Bagimanapun, Dr. Mahathir berkata, sokongan untuk beliau mengekalkan jawatan bukan perkara baharu kerana Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah bercakap menegenainya sepanjang masa.

Mohamed Azmin pada Isnin dilaporkan berkata, beliau menyambut baik pendirian gabungan Pas-UMNO untuk menyokong Dr. Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri sehingga penggal lima tahun kerajaan berakhir. - BERNAMA